



MOT BULETIN

Edisi 11



Stesen ini yang diintegrasikan dengan stesen LRT laluan Kelana Jaya Abdullah Hukum telah dibangunkan di atas tanah rizab keretapi seluas 1.5 ekar dengan pembiayaan sebanyak RM300 juta oleh Perbadanan Aset Keretapi (RAC) iaitu sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pengangkutan. Stesen ini direkabentuk menggunakan konsep jimat tenaga, iaitu menggunakan lampu LED selaras dengan konsep eco city.

Perkhidmatan tren KTM Komuter akan membuat hentian sebanyak 64 kali sehari di Stesen Abdullah Hukum bagi laluan Pelabuhan Klang – KL Sentral dan sebaliknya. Stesen ini juga merupakan stesen pertukaran alternatif kepada orang ramai selain Stesen Keretapi KL Sentral bagi mendapatkan perkhidmatan tren LRT laluan Kelana Jaya yang sedia ada.

Stesen Abdullah Hukum mempraktikkan sepenuhnya kaedah tambang tanpa tunai (cashless) melalui kad Komuter Link yang telah diperkenalkan pada 10 September 2018 yang lalu di samping menggunakan sistem Touch n Go. Oleh itu, orang ramai tidak lagi perlu beratur membeli tiket

Stesen ini telah mula beroperasi pada 28 Oktober 2018 dan telah dirasmikan pada 1 November 2018 oleh YB Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook. Turut hadir semasa majlis perasmian ini ialah Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim, Ketua Setiausaha MOT, En. Azhar bin Ahmad, Pengurus Besar RAC, Encik Mohd Rani Hisham bin Samsudin, Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, Tan Sri Dato' Seri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, Pengerusi SP Setia Bhd dan Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil.

Pembukaan Stesen Keretapi Abdullah Hukum yang terletak di dalam kawasan KL Eco City telah membuktikan hasrat kerajaan dalam melaksanakan projek pembangunan berkonsepkan Transit Oriented Development (TOD) di mana pembangunan stesen ini dilaksanakan secara penswastan dengan KL Eco City Sdn Bhd, anak syarikat pemaju SP Setia.

Pembukaan Stesen Keretapi Abdullah Hukum - Projek Pembangunan Berkonsepkan Transit Oriented Development (TOD)

Bertemakan 'Integriti Dihayati, Bukan Dikhianati', Kementerian Pengangkutan bersama dengan Jabatan/Agensi di bawahnya dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia telah mengadakan Sambutan Hari Integriti 2018 pada 1 November 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 2, MOT. Program telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim, Ketua Setiausaha MOT.

Di antara pengisian pada hari tersebut ialah Breakfast Talk Integriti, Breakfast Game, program Bicara Hati yang menampilkan Mantan Majistret / Bekas pesalah rasuah yang menceritakan kisah disebalik tirai besi serta pameran daripada beberapa Jabatan / agensi seperti Agensi Kumpulan Wang Tak Dituntut (JANM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AAPK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan lain-lain lagi. Program tersebut telah mendapat sambutan yang amat baik daripada warga MOT dan Jabatan/Agensi di bawahnya.

Sambutan Hari Integriti 2018



#Info Psikologi

"Menulis sepuluh jilid buku mengenai falsafah lebih mudah daripada melaksanakan sepotong pesanan."



Kunjung Hormat YBhg Ketua Setiausaha Negara Ke Atas YB Menteri Pengangkutan

YBhg. Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar telah mengadakan kunjung hormat kepada YB Menteri Pengangkutan Malaysia, Loke Siew Fook pada 12 November 2018 (Isnin) jam 12.15 tengahari di Pejabat YB Menteri Pengangkutan. Ketibaan YBhg. Datuk Seri KSN telah disambut oleh YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Pengangkutan Awam Terus Diberikan Keutamaan Hasil Lawatan YB Menteri Pengangkutan

Bagi menambah baik mutu serta mengenalpasti pelbagai isu-isu berkaitan perkhidmatan yang berkaitan pengangkutan awam serta menggalakkan lagi orang awam menggunakan pengangkutan awam, YB Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook telah mengadakan beberapa lawatan kerja bagi meninjau pengoperasian pengangkutan awam dan juga merasai sendiri menaiki pengangkutan awam bersama-sama dengan orang awam dan wakil-wakil media.

Di antara pengangkutan awam yang mendapat perhatian YB Menteri ialah Bas Rapid Transit (BRT) di mana pada 13 November 2018, YB Menteri bersama Ketua Agensi dan wakil-wakil media telah merasai sendiri menaiki BRT laluan Sunway. Semasa lawatan tersebut juga YB Menteri Pengangkutan telah mengumumkan diskaun harga untuk kadar tambang transit aliran bas BRT laluan Sunway yang diturunkan sebanyak 20 peratus iaitu penurunan kadar tambang sebanyak 30 sen sehingga RM1.10 bermula 1 Disember 2018 dalam usaha menggalakkan rakyat di kawasan Lembah Klang untuk menggunakan pengangkutan awam.



Selain daripada itu, pada 27 November 2018, YB Menteri Pengangkutan juga telah mengadakan lawatan kerja ke projek Landasan Keretapi dari Subang Jaya ke Stesen Terminal Skypark fasa 1 bersama dengan Ketua Agensi dan juga wakil-wakil media. Semasa lawatan ini, YB Menteri telah merasai sendiri menaiki tren Skypark Link dari Stesen KL Sentral ke Stesen Terminal Skypark yang telah dibuka pada 1 Mei 2018 yang lalu. Dalam sidang media selepas lawatan ini, YB Menteri Pengangkutan telah mengumumkan tambang perkhidmatan Skypark Link dari Stesen KL Sentral ke Stesen Terminal Skypark akan masih diberikan secara percuma sehingga 31 Disember 2018 bagi menggalakkan dan memberi peluang kepada orang awam untuk mengguna dan merasai perkhidmatan ini. Perkhidmatan tren ini akan dikenakan bayaran mulai 1 Januari 2019 mengikut kadar yang berpatutan.

